



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### **Garis Panduan Mengenai Pemberian Elaun Dan Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Persekutuan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>BADAN BERKANUN &amp; AHLI SEKTOR SWASTA .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 7.1 Garis Panduan Mengenai Pemberian Elaun Dan Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Persekutuan.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Latar Belakang .....</b>	<b>2</b>
<b>3. Elaun Dan Kemudahan Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan Dan Jawatankuasa Di Bawahnya .....</b>	<b>3</b>
<b>4. Kuasa Meluluskan Kadar Bayaran.....</b>	<b>3</b>
<b>5. Pemakaian .....</b>	<b>3</b>
<b>6. Perkara Am .....</b>	<b>4</b>

## **BADAN BERKANUN & AHLI SEKTOR SWASTA**

### **WP 7.1 Garis Panduan Mengenai Pemberian Elaun Dan Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Persekutuan**

#### **1. Tujuan**

Garis Panduan ini bertujuan untuk:

- 1.1. Membantu Badan-badan Berkanun Persekutuan (BBP) dalam menetapkan kadar elaun dan kemudahan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BBP; dan
- 1.2. Meningkatkan lagi tadbir urus dan pengurusan kewangan BBP supaya dapat berbelanja dengan berhemah dan mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa memandangkan peruntukan tahunan sebahagian BBP adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

#### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Pada masa ini, peraturan mengenai elaun dan kemudahan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga BBP adalah ditetapkan melalui 1Pekeliling Perbendaharaan WP 7.1 (Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 Tahun 1994).
- 2.2 Menyedari hakikat bahawa peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBP adalah besar dan memerlukan kepakaran, pengalaman dan akauntabiliti yang tinggi dalam memastikan BBP beroperasi selaras dengan mandat Kerajaan dan juga objektif penubuhannya, maka adalah wajar perkara ini dikaji semula dan Garis Panduan ini dikeluarkan untuk membantu BBP dalam menetapkan kadar elaun dan kemudahan yang munasabah serta setimpal dengan sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh anggota Lembaga termasuk ahli-ahli jawatankuasa di bawahnya.

### **3. Elaun Dan Kemudahan Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan Dan Jawatankuasa Di Bawahnya**

#### **Kadar Elaun dan Kemudahan**

- 3.1 Kadar elaun dan kemudahan yang disarankan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBP dan Jawatankuasa di bawahnya adalah seperti di [Lampiran A](#).
- 3.2 Ketua Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar adalah layak untuk dibayar apa-apa elaun sebagai anggota Lembaga Pengarah BBP berkenaan. Peraturan ini adalah terpakai bagi Ketua Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar yang juga merupakan anggota *ex-officio* sesuatu Lembaga Pengarah BBP walaupun tidak dinyatakan dalam akta tubuh.

### **4. Kuasa Meluluskan Kadar Bayaran**

- 4.1 Pelaksanaan pemberian elaun dan kemudahan di bawah garis panduan ini hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Lembaga Pengarah BBP dan Y.B. Menteri berkenaan tertakluk kepada peruntukan berkaitan di bawah Akta penubuhan BBP itu.

### **5. Pemakaian**

- 5.1 Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan kepada BBP. Pemakaiannya adalah tertakluk kepada penerimaan oleh BBP dan dipanjangkan kepada semua Badan-badan Berkanun Negeri.
- 5.2 Pemberian atau kenaikan elaun dan kemudahan kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan BBP dan tiada peruntukan tambahan diberikan bagi tujuan ini. Kadar elaun yang dicadangkan adalah kadar maksimum dan BBP boleh membayar kadar yang lebih rendah daripada yang dinyatakan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan Y.B. Menteri masing-masing.
- 5.3 Bagi BBP yang menggunakan kadar semasa melebihi kadar yang dicadangkan di dalam Garis Panduan ini, BBP boleh memilih untuk terus kekal dengan kadar semasa tersebut tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah BBP masing-masing.

## **6. Perkara Am**

- 6.1 Kadar elaun dan kemudahan bagi pegawai sektor swasta yang menganggotai Lembaga/ Majlis/ Jawatankuasa adalah sama seperti mana yang diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang lain.
- 6.2 Peraturan mengenai pemberian elaun dan kemudahan bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Panel/ Jawatankuasa adalah seperti di [Lampiran B](#).

**LAMPIRAN A****KADAR DAN SYARAT PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN KEPADA PENERUSI BUKAN EKSEKUTIF, TIMBALAN PENERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Jenis Elaun / Kemudahan</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kadar</b>
Elaun Tetap Bulanan (ETB)	Pengerusi	<p>Bagi Pengerusi yang dibekalkan dengan gaji hakiki, ETB ditetapkan dengan mengikut perkiraan 25% daripada matagaji maksimum yang ditetapkan itu dan menerima Elaun Menghadiri Mesyuarat (EMM) sebanyak RM500.00 sebulan*.</p> <p>Bagi Pengerusi yang tidak dibekalkan dengan gaji hakiki, ETB ditetapkan mengikut perkiraan 40% atas dua gred lebih tinggi daripada matagaji maksimum gred Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah Badan Berkanun berkenaan dan menerima EMM sebanyak RM500.00 sebulan*.</p>
	Timbalan Pengerusi	Kadar ETB bagi Timbalan Pengerusi ditetapkan mengikut perkiraan 30% daripada ETB Pengerusi dan menerima EMM sebanyak RM500.00 sebulan*.
	Ahli-Ahli	Kadar ETB bagi Ahli ditetapkan mengikut perkiraan 30% daripada ETB Pengerusi dan menerima EMM sebanyak RM500.00 sebulan*.
Elaun Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Ditubuhkan oleh Badan Berkanun (EMMJ)	Pengerusi	Kadar EMMJ ditetapkan kepada RM750.00 sekali mesyuarat*.
	Timbalan Pengerusi	Kadar EMMJ ditetapkan kepada RM500.00 sekali mesyuarat*.
	Ahli-Ahli	Kadar EMMJ ditetapkan kepada RM500.00 sekali mesyuarat*.
Elaun Mempengerusikan Mesyuarat	Pengerusi	Tidak dibayar.
	Timbalan Pengerusi	Dibayar RM250.00 sekali mesyuarat*.
	Ahli-Ahli	Dibayar RM250.00 sekali mesyuarat*.

Jenis Elaun / Kemudahan	Jawatan	Kadar
Elaun Keraian	Pengerusi	Tidak dibayar. (Pengerusi boleh menggunakan peruntukan Badan Berkanun berkenaan jika keraian rasmi diperlukan atas kadar sebenar yang disokong dengan resit).
	Timbalan Pengerusi	Tidak dibayar. (Timbalan Pengerusi yang mewakili Pengerusi boleh menggunakan peruntukan Badan Berkanun berkenaan jika keraian rasmi diperlukan atas kadar sebenar yang disokong dengan resit).
	Ahli-Ahli	Tidak dibayar. (Ahli yang mewakili Pengerusi boleh menggunakan peruntukan Badan Berkanun berkenaan jika keraian rasmi diperlukan atas kadar sebenar yang disokong dengan resit).
Kemudahan Perjalanan Dengan Kapal Terbang	Pengerusi	Kelas Perniagaan bagi dalam dan luar negeri.
	Timbalan Pengerusi	Kelas Perniagaan bagi dalam dan luar negeri.
	Ahli-Ahli	Kelas Perniagaan bagi dalam dan luar negeri.
Elaun Bantuan Sewa Rumah	Pengerusi	Tidak dibayar.
	Timbalan Pengerusi	Tidak dibayar.
	Ahli-Ahli	Tidak dibayar.
Peruntukan Kereta Rasmi	Pengerusi	Dibekalkan kereta rasmi tertakluk kepada perakuan Lembaga Pengarah Badan Berkanun dan Kelulusan Kementerian Kewangan.
	Timbalan Pengerusi	Timbalan Pengerusi menggunakan kereta "pool" Badan Berkanun apabila melaksanakan tugas rasmi.
	Ahli-Ahli	Ahli menggunakan kereta "pool" Badan Berkanun apabila melaksanakan tugas rasmi.

Jenis Elaun / Kemudahan	Jawatan	Kadar
Kakitangan Sokongan	Pengerusi	Tidak dibayar. (Pengerusi boleh menggunakan kakitangan pejabat Badan Berkanun berkenaan bagi tujuan rasmi).
	Timbalan Pengerusi	Tidak dibayar. (Timbalan Pengerusi boleh menggunakan kakitangan pejabat Badan Berkanun berkenaan bagi tujuan rasmi).
	Ahli-Ahli	Tidak dibayar. (Ahli boleh menggunakan kakitangan pejabat Badan Berkanun berkenaan bagi tujuan rasmi).
Peralatan Pejabat	Pengerusi	Tidak dibayar. (Pengerusi boleh menggunakan peralatan pejabat Badan Berkanun berkenaan bagi tujuan rasmi).
	Timbalan Pengerusi	Tidak dibayar. (Timbalan Pengerusi boleh menggunakan peralatan pejabat Badan Berkanun berkenaan bagi tujuan rasmi).
	Ahli-Ahli	Tidak dibayar. (Ahli boleh menggunakan peralatan pejabat Badan Berkanun berkenaan bagi tujuan rasmi).
Kemudahan Perubatan	Pengerusi	Layak mendapat kemudahan perubatan sama seperti Ketua Eksekutif tetapi terhad kepada dalam negara sahaja.
	Timbalan Pengerusi	Layak mendapat kemudahan perubatan sama seperti Ketua Eksekutif tetapi terhad kepada dalam negara sahaja.
	Ahli-Ahli	Layak mendapat kemudahan perubatan sama seperti Ketua Eksekutif tetapi terhad kepada dalam negara sahaja.

**\*Terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan**



**LAMPIRAN B****GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI PENERUSI, TIMBALAN PENERUSI DAN AHLI-AHLI PANEL/JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA PENUBUHAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

1. Ahli panel/jawatankuasa tidak dibayar Elaun Tetap Bulanan.
2. Jika Pengerusi panel/jawatankuasa itu terdiri daripada Pengerusi Badan-badan Berkanun berkenaan, Pengerusi itu layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa (EMMJ) sebanyak RM750.00 sekali mesyuarat bagi panel/jawatankuasa tersebut, terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.
3. Jika selain daripada Pengerusi Badan-badan Berkanun, sama ada Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah atau sesiapa sahaja yang dilantik menjadi pengerusi panel/jawatankuasa berkenaan, ia layak dibayar Elaun Mempengerusikan Mesyuarat atas kadar RM250.00 sekali mesyuarat dengan syarat pelantikan mereka itu dibenarkan oleh Akta berkenaan, terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.
4. Timbalan Pengerusi atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan yang menerima Elaun Tetap Bulanan, tetapi dilantik menjadi ahli panel/jawatankuasa berkenaan, dan dibenarkan oleh Akta berkenaan, layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa (EMMJ) sebanyak RM500.00 sekali mesyuarat, terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.
5. Ahli-ahli panel/jawatankuasa yang bukan terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan atau Ahli Ganti atau Wakil Ahli layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa (EMMJ) atas kadar RM500.00 sekali mesyuarat dengan syarat pelantikan Ahli Ganti/Wakil Ahli itu dibenarkan oleh Akta berkenaan, terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.
6. Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah, sama ada Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah di dalam panel/jawatankuasa adalah terhad kepada dua (2) keanggotaan sahaja termasuk keanggotaan di dalam Lembaga Pengarah (induk).



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

# **Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Badan-Badan Berkanun Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>BADAN BERKANUN &amp; AHLI SEKTOR SWASTA .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 7.2 Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Badan-Badan Berkanun Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Latar Belakang .....</b>	<b>2</b>
<b>3. Dasar Dan Garis Panduan Bayaran Bonus .....</b>	<b>2</b>
<b>4. Mengemukakan Cadangan Bayaran Bonus Dan Dividen Secara Serentak .....</b>	<b>4</b>
<b>5. Pemakaian .....</b>	<b>4</b>
<b>6. Perkara-perkara Am .....</b>	<b>4</b>

## **BADAN BERKANUN & AHLI SEKTOR SWASTA**

### **WP 7.2 Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Badan-Badan Berkanun Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam**

#### **1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk mengadakan garis panduan mengenai bayaran bonus kepada anggota-anggota dalam Badan-badan Berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada saraan Sektor Awam.

#### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan untuk mengadakan satu garis panduan mengenai bayaran bonus oleh Badan-badan Berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada Sektor Awam kepada semua kategori anggotanya supaya bayaran itu menjadi insentif yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan Badan-badan Berkanun berkenaan.
- 2.2 Setakat ini, Badan-badan Berkanun yang telah diasingkan pengurusan saraannya daripada Sektor Awam ialah:
  - 2.2.1 Lembaga Tabung Haji (LTH);
  - 2.2.2 Bank Simpanan Nasional (BSN);
  - 2.2.3 Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT);
  - 2.2.4 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
  - 2.2.5 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan
  - 2.2.6 Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

#### **3. Dasar Dan Garis Panduan Bayaran Bonus**

- 3.1 Badan-badan Berkanun yang telah diasingkan saraannya daripada saraan Sektor Awam dan telah melaksanakan sistem saraan baru masing-masing hendaklah mematuhi garis panduan berikut apabila hendak membayar bonus kepada anggota-anggotanya:
  - 3.1.1 Bayaran bonus ini hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan setelah diperakukan oleh Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun masing-masing dan dipersetujui oleh Kementerian Pengawal;
  - 3.1.2 Pembayaran bonus hendaklah berdasarkan prestasi agensi berkenaan serta prestasi anggota-anggotanya;

- 3.1.3 Badan-badan Berkanun berkenaan yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai, tidak termasuk keuntungan luar biasa, dibenar membayar bonus untuk sesuatu tahun kepada anggota-anggotanya;
- 3.1.4 Keuntungan munasabah perlu mengambilkira di antara lain, objektif Badan-badan Berkanun berkenaan termasuk tanggungjawab sosial;
- 3.1.5 Badan - badan Berkanun berkenaan yang mempunyai keuntungan perlu mengemukakan kepada Kementerian Pengawal dan Kementerian Kewangan cadangan bayaran bonus yang mengandungi butir-butir yang terperinci seperti keuntungan sebelum cukai bagi tahun yang berkenaan dan bagi tiga tahun sebelumnya, asas-asas dan implikasi kewangan yang terlibat mengenai bayaran bonus ini di dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan selepas buku akaun tahunannya ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Badan Berkanun tersebut;
- 3.1.6 Bagi anggota Bukan Eksekutif, jumlah bayaran bonus adalah tertakluk kepada persetujuan bersama di antara pihak Majikan dan Kesatuan Sekerja jika ada, dan jika tidak ada jumlah siling purata pembayaran bonus sebagai panduan tidak harus melebihi dua (2) bulan gaji;
- 3.1.7 Bagi Pegawai-pegawai Eksekutif, jumlah siling purata pembayaran bonus, sebagai panduan, tidak harus melebihi dua (2) bulan gaji; dan
- 3.1.8 Sekiranya ramai pegawai dan kakitangan tertentu yang menunjukkan prestasi yang cemerlang atau secara keseluruhannya Badan Berkanun berkenaan memperolehi keuntungan cemerlang, jumlah siling purata bayaran bonus yang melebihi dua (2) bulan boleh dipertimbangkan. Keuntungan cemerlang ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berasaskan kepada keuntungan operasi tiga (3) tahun yang lalu iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa.

#### **4. Mengemukakan Cadangan Bayaran Bonus Dan Dividen Secara Serentak**

4.1 Cadangan kepada Kementerian Pengawal dan Kementerian Kewangan mengenai bayaran bonus perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran dividen.

#### **5. Pemakaian**

5.1 Peraturan ini adalah terpakai bagi Badan-badan Berkanun berkenaan yang telah diasingkan pengurusan saraannya daripada Sektor Awam. Badan-badan Berkanun yang lain tidak dibenarkan membayar bonus kepada anggota-anggotanya tetapi boleh membayar imbuhan tahunan tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan mengenainya dari semasa ke semasa.

#### **6. Perkara-perkara Am**

6.1 Bayaran bonus yang tidak mematuhi peraturan tersebut hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Bayaran Elaun Dan Kemudahan Kepada Ahli  
Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat  
Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh  
Kementerian/Jabatan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>BADAN BERKANUN &amp; AHLI SEKTOR SWASTA .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 7.3 Bayaran Elaun Dan Kemudahan Kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh Kementerian/Jabatan .....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Latar Belakang .....</b>	<b>2</b>
<b>3. Tafsiran .....</b>	<b>2</b>
<b>4. Kadar .....</b>	<b>3</b>
<b>5. Tanggungjawab Pegawai Pengawal .....</b>	<b>4</b>



## BADAN BERKANUN & AHLI SEKTOR SWASTA

### WP 7.3 Bayaran Elaun Dan Kemudahan Kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh Kementerian/Jabatan

#### 1. Tujuan

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memantapkan peraturan mengenai bayaran elaun dan kemudahan serta penetapan kadar baru kepada ahli sektor swasta kerana menghadiri mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kementerian/jabatan berdasarkan kepada sesuatu Akta/keputusan Jemaah Menteri/keputusan Menteri atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa berkenaan.

#### 2. Latar Belakang

2.1 Pekeliling ini juga bertujuan menyeragamkan kadar dan memperkemaskan lagi peraturan pemberian elaun untuk menggalakkan ahli sektor swasta menganggotai jawatankuasa/jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh kementerian/jabatan.

#### 3. Tafsiran

3.1 Bagi maksud Pekeliling ini;

3.1.1 '**Jawatankuasa**' adalah bermaksud apa-apa Lembaga/Majlis/Jawatankuasa/Panel yang ditubuhkan oleh kementerian/jabatan berdasarkan kepada sesuatu Akta/keputusan Jemaah Menteri/keputusan Menteri. Walau bagaimanapun, bagi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Menteri, kemudahan yang diberi di bawah Pekeliling ini hanya terpakai sekiranya jawatankuasa tersebut dipengerusikan sendiri oleh Menteri;

3.1.2 '**Jawatankuasa Kerja**' adalah bermaksud suatu Jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa bagi membantunya dalam membuat keputusan;

3.1.3 '**kemudahan**' bagi maksud pekeling ini adalah meliputi makan minum, penginapan, tiket penerbangan dan tuntutan perjalanan;

3.1.4 '**sektor swasta**' adalah bermaksud orang perseorangan/

syarikat/pertubuhan/ yang bukan milik Kerajaan sepenuhnya. Badan Berkanun adalah tidak termasuk dalam tafsiran ini;

3.1.5 '**mesyuarat**' adalah bermaksud sesuatu mesyuarat/perbincangan/lawatan/bengkel atau seumpamanya yang lazimnya diadakan dalam tempoh sehari atau sebahagian daripadanya tetapi tidak kurang daripada dua jam. Bagi mesyuarat yang melebihi satu hari, bayaran adalah dibuat berdasarkan bilangan hari; dan

3.1.6 '**luar stesen**' adalah bermaksud jarak tempat kediaman/pejabat tempat bertugas ahli dengan tempat diadakan mesyuarat/perbincangan/lawatan/bengkel seperti berikut:-

3.1.6.1 25 km jika boleh dihubungi oleh jalan raya;

3.1.6.2 16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan

3.1.6.3 8 km jika boleh dihubungi menggunakan basikal atau laluan sungai.

#### 4. Kadar

4.1 Kadar Elaun Menghadiri Mesyuarat adalah seperti berikut:

Peringkat	Kadar
Jawatankuasa	RM300.00 sekali mesyuarat
Jawatankuasa Kerja	RM150.00 sekali mesyuarat

4.2 Sekiranya perlu menginap dan bermalam, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab bagi menentukan kadar makan minum, penginapan dan tiket penerbangan pada kadar yang berpatutan tetapi tidak boleh melebihi kadar seperti berikut:

Tempat mesyuarat	Makan (seorang sehari)	Penginapan Hotel/Lojing (seorang semalam)	Tuntutan Perjalanan	Tiket Penerbangan (seorang pergi balik) (RM)
Negeri di Semenanjung	RM85.00	Penginapan hotel mengikut kadar sebenar (bilik standard)/ lojing RM70.00	RM0.70 per kilometer	<b>Perjalanan Domestik</b> Kelas Perniagaan menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) atau melalui tuntutan balik

Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan	RM115.00	Penginapan hotel mengikut kadar sebenar (bilik standard)/ lojing 75.00	dengan kebenaran Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan  <b><u>Perjalanan Luar Negara</u></b> Kelas Ekonomi menggunakan WPUA
--------------------------------------	----------	--	---

4.3 Tuntutan perjalanan hanya dibenarkan bagi ahli sektor swasta yang memenuhi syarat seperti berikut:

4.3.1 perbelanjaan perjalanan/tiket penerbangan tidak dibiayai oleh pihak lain; dan

4.3.2 hanya dibenarkan bagi ahli yang tinggal di luar stesen sahaja.

## 5. Tanggungjawab Pegawai Pengawal

5.1 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan:

5.1.1 pembayaran dilakukan berdasarkan kadar dan syarat yang telah ditetapkan;

5.1.2 kekerapan dan tempoh masa mesyuarat hendaklah diadakan mengikut keperluan; dan

5.1.3 apa-apa bayaran yang dibuat berdasarkan keputusan terdahulu yang tidak selaras dengan pekeliling ini hendaklah dihentikan.